

04/08/2003

Hari Keluarga Pejabat PM meriah

PORT DICKSON: Sekalipun hujan turun renyai-renyai, Hari Keluarga Pejabat Perdana Menteri, semalam, yang turut dihadiri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlangsung dalam suasana meriah dan mesra.

Dr Mahathir dengan memakai jaket hujan dan topi koboi turut menunjukkan kehebatannya membuat teh tarik dan bersama kakitangan pejabat itu melakukan senaman taichi yang dikendalikan oleh jurulatih, Peter Chong dari sini.

Beliau bersama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali juga menyertai acara sukaneka bersama kakitangan pejabat, termasuk Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Dusuki Ahmad.

Dalam hujan renyai yang agak sejuk ini, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah tidak menghampakan permintaan kakitangan pejabat dan tetamu untuk mengambil gambar kenangan, selain menanda tangani autograf.

"Tak pa, tak ada masalah," kata Dr Mahathir setiap kali diminta untuk bergambar.

Pada sebelah pagi sebelum itu, beliau mengelilingi sekitar kawasan pantai berhampiran Kondominium Peranginan Tenaga Nasional Bhd dan Hotel Guoman Resort, dekat sini, untuk melakukan hobinya menunggang kuda.

Kegiatan ini turut disertai Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, Pengerusi Am-Bank, Tan Sri Azman Hashim serta Pengerusi Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Berjaya, Tan Sri Vincent Tan.